

04 FEB, 2022

Tindakan licik dua tokan dadah tumpas



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Tindakan licik dua tokan dadah tumpas

KUCHING: Tindakan licik dua tokan dadah mendapatkan barang haram berkenaan tumpas apabila ditahan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam dua serbuan berbeza pada Januari lalu.

Menjalankan Tugas-Tugas Pengaruh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak Mohd Nadzri Ariffin berkata, kedua-dua warga tempatan berkenaan ditahan masing-masing di Kuching dan Miri.

Menurutnya, kedua-dua suspek bakal berdepan hukuman di bawah Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu kesalan mengendar dadah berbahaya dan jika sabit kesalahan, pesalah boleh dihukum gantung sampai mati di bawah Seksyen 39B (2) akta yang sama.

"Suspek yang ditangkap di Kuching telah didakwa di Mahkamah Majistret di sini.

"Mahkamah telah memerintahkan suspek direman dalam tahanan sementara menunggu prosiding lanjut dan mahkamah juga menetapkan 18 Februari untuk sebutan semula kes se mentara menunggu keputusan analisis Jabatan Kimia," katanya menerusi sidang media pada Isnin lalu.

Terdahulu, suspek bermur lingkungan 30-an itu ditahan JKDM di sebuah terminal bas di sini, sekitar jam 2.15 petang.

"Lelaki berkenaan ditangkap di lokasi kejadian semasa menuntut sebuah bungkus, " katanya.

Tambah Nadzri, hasil pemeriksaan dilakukan ke atas bungkus berkenaan menemui sejumlah 358 peket



TUMPAS: Nadzri (kiri) menunjukkan skrin dadah yang dirampas di Kuching pada 10 Januari lalu.

lutsinar mengandungi serbuk kristal dipercayai dadah jenis Methamphetamine.

"Pemeriksaan lanjut mendapat bungkus itu tiba dari bandar raya Miri menggunakan perkhidmatan bas ekspres antara bandar.

"Suspek menggunakan modus operandi melalui perkhidmatan bas kargo antara bandar untuk mengendar dadah masuk ke bandar raya Kuching.

"Dadah dibungkus menggunakan peket berkuantiti kecil dipercayai untuk memudahkan bekalan disalurkan kepada pembeli," jelasnya lagi.

Tambah Nadzri, berat kasar kesemu serbuk kristal yang dirampas tersebut lebih kurang 1,115 gram dianggarkan bernilai RM47,500.

"Ia dipercayai untuk pasaran sekitar bandar raya Kuching dan Kota Samarahan serta suspek juga disyaki sudah beberapa kali membuat tuntutan bungkusan melalui perkhidmatan bas antara bandar," katanya.

Menurutnya lagi, turut dirampas wang tunai berjumlah RM540 dan sebuah kereta dianggarkan bernilai RM70,000.

Tegasnya, jumlah keseluruhan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM117,500.

Sementara itu di Miri, seorang suspek yang dipercayai terlibat dalam kegiatan itu juga telah direman dan pertuduhan telah dibuat di Mahkamah Miri.

Terdahulu, tangkapan ke atas suspek dilakukan sebuah premis syarikat kurier

di Permy Technology Park, Miri pada 24 Januari lalu.

Katanya, lelaki warga tempatan itu ditahan oleh pasukan anggota Kawangan Penguatuasaan, JKDM Miri sekitar jam 11.17 pagi.

Menurut Nadzri, suspek berurum dalam lingkungan 44 tahun tersebut hadir di lokasi kejadian dan menuntut sebuah bungkusan disyaki mengandungi dadah yang dikirim dari luar negara.

"Hasil pemeriksaan dilakukan ke atas bungkus berkenaan menjumpai satu bungkus plastik lutsinar yang mengandungi serbuk berwarna putih dipercayai dadah jenis Ketamine dianggarkan seberat 1,000 gram," ujarnya.

Turut dijumpai satu peket serbuk minuman di dalam beg

sandang individu tersebut.

Katanya, hasil ujian serbuk berkenaan dipercayai dadah jenis Ketamine dianggarkan seberat 28 gram sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan nilai rampasan dianggarkan dadah terbabit sebanyak RM51,400.

Suspek katanya, menggunakan modus operandi menggunakan nama syarikat yang tidak aktif dan alamat yang tidak wujud untuk mengelak dikesan oleh pihak berkuasa serta menggunakan perkhidmatan kurier untuk mengendar dadah masuk ke bandar raya Miri.

Sementara itu, orang awam juga dipercayai digunakan sebagai keldai dadah untuk mendapatkan bungkus yang dihantar melalui perkhidmatan kurier.

Justeru, beliau menggesa orang ramai membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kendaraan dan lain-lain.

Tegasnya lagi, masyarakat juga dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut.

"Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah ia turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Sebarang maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di seluruh negeri.

Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.



04 FEB, 2022

Tindakan licik dua tokan dadah tumpas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Tindakan licik dua tokan dadah mendapatkan barang haram berkenaan tumpas apabila ditahan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam dua serbuan berbeza pada Januari lalu. Menjaksikan Tugas-Tugas Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak Mohd Nadzri Ariffin berkata, kedua-dua warga tempatan berkenaan ditahan masing-masing di Kuching dan Miri.